

UPM pantau harga makanan

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) ingin merujuk aduan B.COMM 08, pada ruangan ini, kelmarin berhubung harga makanan dikatakan agak mahal di kafeteria UPM.

UPM mengucapkan terima kasih kepada pengirim aduan yang memberi reaksi terhadap penjelasan UPM pada 19 Julai lalu berkaitan isu sama.

Susulan aduan B.COMM 08, Bahagian Komunikasi Korporat sudah meninjau sendiri kafeteria Kolej 12, 14, 15 dan 16 pada jam 12.30 tengah hari dan mendapati harga makanan nasi berlauk ayam dan sayur ialah RM3.80 hingga RM4.20 bergantung kepada kuantiti nasi, sayur dan saiz ketul ayam.

Bahagian Komunikasi Korporat menemu bual beberapa pelajar di kafeteria berkenaan bagi mendapat maklumat seperti didakwa untuk tindakan lanjut universiti.

Berdasarkan maklumat daripada pelajar berkenaan, UPM akan terus membuat pemantauan dari semasa ke semasa dan memohon pelajar supaya membuat aduan terus kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar atau Pusat Pembangunan Perniagaan Universiti (UBC).

**ABDULLAH
ARSHAD**

Ketua, Bahagian Komunikasi Korporat UPM, Serdang, Selangor.